

21/01/2004

Kejayaan hasil kegigihan: Nadzmi

Norliza Abdullah; Azli Ayob

DATUK Mohd Nadzmi Mohd Salleh, menyifatkan kejayaannya meraih Anugerah Usahawan Tahunan (EOY) Ernst & Young 2003 sebagai hasil usaha gigihnya mengharungi cabaran dalam bidang perniagaan.

Pada masa sama, beliau menyatakan penghargaan kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang banyak memberi dorongan serta kepercayaan kepadanya.

Mohd Nadzmi berkata, ia bermula apabila Dr Mahathir memberi cabaran kepadanya untuk memulihkan Mara Holding Sdn Bhd (MHSB) yang ketika itu dilanda pelbagai masalah kewangan dan pengurusan.

"Nasihat panjang lebar beliau membuatkan saya bersedia menghadapi cabaran dunia perniagaan dan berani mengambil risiko mengambil alih syarikat itu," katanya.

Beliau yang kini Ketua Eksekutif Nadicorp Holdings Sdn Bhd (Nadicorp) yang dulunya MHSB, berkata demikian kepada Berita Harian sejurus selepas menerima anugerah itu, kelmarin.

Berita Harian ialah rakan media anugerah itu. Turut menjayakannya ialah, Kuala Lumpur Stock Exchange Bhd (KLSE), Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) dan Penerbangan Malaysia (MAS).

Mohd Nadzmi berkata, antara cabaran utama yang dihadapinya dalam mengendalikan Nadicorp ialah mengubah sikap manusia dan berurusan dengan pelanggan.

Ketua Eksekutif AirAsia Sdn Bhd (AirAsia), Tony Fernandes, pula menyifatkan kemenangannya bagi kategori Usahawan Sedang Meningkatkan adalah hasil pengalaman berharga beliau ketika bekerja dalam industri hiburan tanah air.

"Pengalaman berurusan dengan artis banyak mengajar saya cara mengendalikan manusia," katanya sambil merakamkan penghargaan kepada sokongan padu semua kakitangan AirAsia.

Beliau berkata, rahsia kejayaannya ialah kerana syarikat berkenaan menawarkan perkhidmatan yang memenuhi kehendak pasaran dan kena pada masanya.

Sementara itu, penerima kategori Anugerah Usahawan Wanita, Pengerusi Eksekutif, Caely Holdings Bhd (Caely), Theresa Fong Nyok Yoon, berkata pengiktirafan terhadap sesuatu usaha niaga adalah penting dalam usaha memajukan industri tempatan.

"Anugerah ini ialah pengiktirafan bagi membolehkan mereka yang terbabit dalam perniagaan lebih giat melaksanakan sesuatu usaha bagi memajukan industri yang dilaksanakan.

Fong berkata, sokongan yang diberikan pelbagai pihak menerusi anugerah itu memberi motivasi kepada usahawan untuk terus unggul di pasaran tempatan atau antarabangsa.

Pengasas TimeComm Holdings Sdn Bhd (TimeCom), Allan Tan, berkata seseorang usahawan perlu lebih peka kepada keperluan pengguna di sekelilingnya.

"Kejayaan seseorang tidak akan dikecapi jika tidak melaksanakan kerja secara berkumpulan," katanya yang menerima Anugerah Usahawan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

Tan berkata, untuk menjadi pakar dalam bidang ICT, seseorang itu perlu berfikiran positif ketika mengendalikan sesebuah organisasi kerana tugas pengurusan adalah sesuatu yang kompleks.